

KEHIDUPAN AKHIR ZAMAN

29 Disember 2023 | 16 Jamadilakhir 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredaan Allah Subhanahu wa Ta'ala di dunia dan di akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Marilah kita mengambil pengajaran dari firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Anfal ayat 25,

Yang bermaksud: “Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang yang zalim di

antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksa-Nya.”

Allah Subhanahu Wa-Ta'ala mengingatkan kita semua agar berwaspada dengan segala fitnah atau keburukan yang boleh berlaku kepada sesiapa sahaja lebih-lebih lagi kita yang hidup di akhir zaman ini. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam banyak memberi panduan kepada umatnya bagaimana menghadapi kehidupan akhir zaman. Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Ibnu Majah yang bermaksud,

“Akan datang kepada manusia tahun-tahun yang penuh dengan penipuan di mana orang-orang yang penipu dianggap berkata benar, orang-orang yang berkata benar dianggap penipu, pengkhianat dianggap jujur dan orang-orang yang jujur dianggap pengkhianat”

Hari ini kebanyakan orang ramai lebih percaya kepada para pendusta dan penipu tambahan pula jika mereka berjaya menguasai media massa lebih-lebih lagi media sosial. Melalui media sosial mereka berusaha agar masyarakat percaya dengan percakapan dan penulisan mereka sehingga pembohongan dan fitnah tersebar dengan meluas. Bagi mengelak diri kita semua dari pembohongan dan penipuan yang berleluasa ini, kita hendaklah mengambil maklumat dan ilmu pengetahuan dari sumber yang benar. Apatah lagi jika berkaitan dengan ajaran agama Islam. Kita perlu mengambil ilmu agama daripada para ulama yang berautoriti agar kita selamat daripada kesilapan dan kesesatan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Di akhir zaman manusia sudah tidak dapat lagi membezakan antara kebaikan dan keburukan. Mereka melakukan sesuatu perbuatan pada sangkaannya ia adalah baik namun di sisi Allah Subhanahu Wa-Ta'ala ia adalah kemungkaran dan maksiat. Terdapat antara kita yang melakukan kebaikan pada satu-satu masa namun tidak lama kemudian kita melakukan kemungkaran pula. Ini disebabkan kita sudah tidak tahu membezakan antara baik dan buruk tambahan pula maksiat dan mungkar datang dalam bentuk hiburan, sukan dan pesta-pesta. Sehingga kita merasakan semua maksiat ini menjadi perkara biasa dan tidak bimbang kepada kemurkaan Allah Subhanahu Wa-Ta'ala.

Sebahagian daripada kita terperangkap dengan pelbagai bentuk hiburan seperti tari menari dalam majlis perkahwinan, majlis sambutan hari jadi dan menari bercampur lelaki dan perempuan tanpa segan silu di tempat awam. Benarlah sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang menggambarkan suasana ini seperti waktu malam yang gelap kerana manusia tidak dapat membeza antara kebaikan dan keburukan. Sabda Baginda dalam hadis riwayat imam Muslim,

بَادِرُوا بِالْأَعْمَالِ فِتْنًا كَقَطْعِ اللَّيْلِ الْمُظْلِمِ؛ يُصْبِحُ الرَّجُلُ مُؤْمِنًا وَمُؤْمِنًا وَبُحْرًا، أَوْ يُصْبِحُ كَافِرًا، أَوْ يُصْبِحُ مُؤْمِنًا وَيُصْبِحُ كَافِرًا، يَبِيعُ دِينَهُ بِعَرَضٍ مِنَ الدُّنْيَا

Yang bermaksud: *“Hendaklah kamu bersegera melakukan amalan-amalan sebelum datangnya fitnah-fitnah ibarat kepingan-kepingan malam yang gelap gelita. Seseorang itu menjadi beriman pada waktu pagi dan kufur pada waktu petang, atau beriman pada waktu petang dan kufur pada waktu pagi. Ini kerana dia menjual agamanya dengan sedikit mata benda dunia.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Salah satu tanda akhir zaman ialah harta melimpah ruah sehingga manusia berlumba-lumba mencarinya demi mencapai kemewahan hidup. Mencari harta dan menjadi kaya tidak salah namun yang salahnya ialah kekayaan dan kemewahan menjadi satu matlamat hidup, kebanggaan yang ditunjukkan kepada orang lain dengan tujuan untuk mendapat pujian dan penghormatan. Malahan demi mencapai kemewahan mereka berusaha untuk mencari dan mengumpulkan harta dengan pelbagai cara sehingga tidak mengira sama ada ia adalah halal atau haram seperti harta yang dikumpul melalui rasuah, penipuan, mengambil hak orang lain dan melibatkan jual beli barangan yang haram. Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud:

“Akan datang kepada manusia suatu zaman di mana seseorang tidak peduli apa yang dia ambil, apakah dari hasil yang halal atau yang haram”.

Agar kita semua selamat dalam menjalani kehidupan akhir zaman ini, marilah kita semua mengikut pesanan Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam. Antaranya ialah berpegang dengan sunnah Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam, segera melakukan amalan soleh, kurangkan perbuatan sia-sia, jauhi tempat-tempat maksiat, hadirkan diri ke masjid dan sentiasa berada dalam majlis ilmu. Insha-Allah kita akan selamat di dunia dan di akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَقْتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمْ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ مُّعْرِضُونَ ﴿١﴾

Yang bermaksud: “Telah semakin dekat kepada manusia perhitungan amal mereka, sedang mereka dalam keadaan lalai (dengan dunia), berpaling (dari akhirat).”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.